



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN

---

### LANGKAH PENJIMATAN DILAKSANAKAN SECARA BERSASAR TANPA MENJEJASKAN PERKHIDMATAN KRITIKAL KEPADA RAKYAT

---

Kerajaan mengambil maklum laporan portal CodeBlue bertajuk "*Ministers, Officials Go Around the World on 50 Trips in 50 Days*" yang mempersoalkan lawatan rasmi ke luar negara ketika langkah penjimatan perbelanjaan sedang dilaksanakan.

Kerajaan ingin menjelaskan bahawa langkah penjimatan yang diperkenalkan bukanlah bertujuan untuk menghentikan semua perbelanjaan atau semua perjalanan rasmi. Sebaliknya, ia merupakan langkah pengurusan fiskal yang bersasar bagi membantu menampung sebahagian daripada peningkatan mendadak perbelanjaan subsidi akibat krisis Asia Barat yang telah melonjakkan harga minyak dunia.

Sejak tercetusnya konflik tersebut, harga minyak mentah dunia meningkat dengan ketara. Bagi melindungi rakyat daripada kesan kenaikan harga bahan api dan kos sara hidup, Kerajaan memilih untuk terus menyerap beban subsidi yang jauh lebih tinggi supaya rakyat tidak perlu menanggung kenaikan tersebut.

Bagi membantu membiayai sebahagian daripada kos subsidi tambahan ini, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan garis panduan penjimatan perbelanjaan Kerajaan. Antara langkah yang dilaksanakan ialah mengehadkan perjalanan rasmi ke luar negara hanya kepada komitmen yang telah dijadualkan, mesyuarat yang diwajibkan serta urusan yang benar-benar penting dan memberi impak strategik kepada negara.

Seperti yang ditegaskan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, langkah penjimatan ini dilaksanakan tanpa menjejaskan sebarang perkhidmatan kritikal kepada rakyat, termasuk sektor kesihatan dan pendidikan.

#### **Keutamaan kekal kepada perkhidmatan rakyat**

Walaupun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut tertakluk kepada langkah penjimatan seperti mengehadkan perjalanan rasmi ke luar negara, tiada sebarang sekatan dikenakan terhadap perancangan pengisian jawatan, pembelian ubat-ubatan, perolehan peralatan perubatan mahupun penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.

Malah, dalam menghadapi ketidakpastian rangkaian bekalan global, KKM bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah melaksanakan audit pantas bagi memastikan bekalan ubat-ubatan dan peralatan perubatan kritikal sentiasa mencukupi serta sebarang risiko gangguan dapat dikenal pasti lebih awal.

Bagi tahun 2026, KKM menyasarkan pelantikan lebih daripada 18,000 petugas kesihatan merangkumi 4,500 Pegawai Perubatan, lebih 3,500 jururawat dan hampir 1,000 penolong pegawai perubatan, selaras dengan perancangan asal tanpa sebarang pengurangan berbanding tahun 2025.

Peruntukan ubat-ubatan juga terus dipertingkatkan kepada RM6.5 bilion pada tahun 2026 berbanding RM6.0 bilion pada tahun 2025. Ini membuktikan bahawa langkah penjimatan tidak menjejaskan keutamaan Kerajaan untuk memastikan rakyat terus menerima perkhidmatan kesihatan yang berkualiti.

Program Latihan Kepakaran Lanjutan telah disediakan 400 slot dengan peruntukan RM24 juta untuk 2026 berbanding RM21.8 juta tahun 2025.

### **Lawatan rasmi yang memberi manfaat strategik**

Dalam keadaan dunia masih berdepan ketidaktentuan geopolitik dan gangguan bekalan global, terdapat lawatan rasmi yang tidak boleh ditangguhkan kerana melibatkan kepentingan strategik negara.

Sebagai contoh, lawatan kerja YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Turkmenistan dan Rusia baru-baru ini telah membuah hasil dalam memperkukuh keterjaminan bekalan tenaga negara serta mempelbagaikan sumber bekalan tenaga jangka panjang Malaysia ketika pasaran global masih tidak menentu.

Begitu juga penyertaan Malaysia dalam pelbagai mesyuarat dan forum antarabangsa berkaitan perdagangan, tenaga, kesihatan, pertahanan dan kerjasama serantau yang penting untuk mempertahankan kepentingan negara, memperkukuh hubungan dengan rakan strategik serta memastikan Malaysia terus mempunyai akses kepada bekalan, pelaburan dan peluang ekonomi.

Oleh itu, lawatan rasmi tidak wajar dinilai berdasarkan jumlah perjalanan semata-mata, sebaliknya berdasarkan tujuan, keperluan dan hasil yang dicapai untuk negara dan rakyat.

### **Berbelanja secara berhemah demi melindungi rakyat**

Kerajaan MADANI kekal komited mengurus kewangan negara secara berhemah. Perbelanjaan yang boleh dikawal diperketat, manakala sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan, subsidi dan bantuan rakyat terus dipelihara.

Pendekatan ini memastikan setiap ringgit digunakan secara optimum bagi menghadapi cabaran global, sambil melindungi kebajikan rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

### **Kementerian Kewangan**

Putrajaya

25 Jun 2026